

SESI PEMBELAJARAN KEPADA PELAJAR PRAKTIKAL UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM) DI STESEN PENGAWASAN KUALITI AIR SUNGAI AUTOMATIK, CR08B (SUNGAI LANGAT) DAN STESEN PENGAWASAN KUALITI UDARA AUTOMATIK, CA17W (PUTRAJAYA)

21 April 2025 - Seksyen Kawalselia Konsesi dan Program Pengawasan, Bahagian Udara telah mengadakan sesi pembelajaran kepada pelajar praktikal dari Universiti Putra Malaysia (UPM) ke Stesen Pengawasan Kualiti Air Sungai Automatik, CR08B (Sungai Langat), dan Stesen Pengawasan Kualiti Udara Automatik, CA17W (Putrajaya). Sesi pembelajaran ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai pengoperasian kedua-dua stesen pengawasan yang merupakan sebahagian daripada Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar (EQMP).

Pelajar diberi taklimat mengenai tatacara pengoperasian stesen pengawasan kualiti air sungai dan udara automatik yang bertujuan untuk memantau kualiti alam sekitar di Malaysia. Fokus utama lawatan adalah untuk memahami aspek Jaminan Mutu dan Kawalan Kualiti (QA/QC) yang dijalankan untuk menghasilkan data yang boleh dipercayai dan sahih, yang sangat penting dalam penilaian kualiti alam sekitar.

Selain itu, pelajar turut diperkenalkan dengan prosedur kalibrasi dan penyelenggaraan peralatan pengawasan untuk memastikan bahawa semua peralatan berfungsi dengan baik dan menghasilkan data yang tepat serta jitu. Ini termasuk pemahaman mengenai kekerapan kalibrasi peralatan serta tindakan yang diambil sekiranya berlaku kerosakan atau ketidakpatuhan dalam proses pengawasan alam sekitar.

Pembelajaran ini bukan sahaja memberikan ilmu teori, tetapi juga memberi pengalaman praktikal kepada pelajar dalam memahami pentingnya integriti data dan pengoperasian stesen pengawasan dalam usaha pemeliharaan alam sekitar.

#NRES

#JabatanAlamSekitar

#SeksyenKawalseliaKonsesi

#EQMP

#AlamSekitarTanggungjawabBersama







